



**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN
DI PUSAT PENGURUSAN MAKMAL ALAMI DAN FIZIKAL UKM (ALAF-UKM)**

Pihak Pusat Pengurusan Makmal Alami dan Fizikal UKM (ALAF-UKM), UKM mempelawa Warganegara Malaysia yang berkeelayakan, komited dan berdedikasi untuk berkhidmat di ALAF-UKM bagi jawatan berikut:

1. PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F9 (KONTRAK)
2. PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI GRED DH5 (KONTRAK)
3. PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1 (KONTRAK)

Maklumat dan keperluan jawatan adalah seperti berikut:

1. PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F9 (KONTRAK)

I. Jadual Gaji Minimum – Maksimum Gred F9:

Gaji	Minimum	Maksimum
	RM 2,250.00	RM 11,110.00
Elaun	Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	RM 300.00
	Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	RM 300.00
	Bantuan Sara Hidup (BSH)	RM 300.00
Kenaikan gaji tahunan	RM225.00	
Taraf Jawatan	Kontrak (Pelanjutan tertakluk kepada prestasi dan kewangan projek yang mengizinkan)	
Lokasi dan kekosongan	Pejabat ALAF-UKM – Satu (1) Kekosongan	

II. Syarat Lantikan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Kelayakan akademik seperti berikut:
 - i. Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred F9: RM2,580.00); atau

- ii. Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred F9: RM3,020.00); atau
 - iii. Ijazah Kedoktoran dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred F9: RM3,350.00).
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

III. Kemahiran dan Pengalaman Khusus Dalam:

- (a) Membangun, menguji dan menyelenggara aturcara bagi sistem pengurusan instrumentasi UKM (SPINIC) dan sistem lain dibawah PTj.
- (b) Berpengetahuan atau berpengalaman dalam rekabentuk grafik dan suntingan.
- (c) Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- (d) Boleh bekerja di bawah penyeliaan minimum dan berdedikasi.
- (e) Berpengalaman membangunkan sistem maklumat sekurang-kurangnya 3-5 tahun dalam bidang pengaturcaraan atau mempunyai kemahiran tinggi dalam pengaturcaraan.
- (f) Seorang yang komited dan proaktif.
- (g) Seorang yang mampu bekerja lebih masa apabila diperlukan.
- (h) Keutamaan:
 - **Mahir dalam Codeigniter/ Laravel (front-end & back-end)**
 - **MSSQL (Microsoft SQL Server)**
 - **Javascript / jQuery**
 - **Berpengalaman menggunakan Bootstrap dan CSS**
 - Memimpin dalam melaksana projek ICT seiring dengan keperluan organisasi
 - Menyediakan dokumentasi Sistem
 - Melaksanakan kajian kesesuaian sistem, menganalisis, mereka bentuk, membangun, melaksana dan menyelenggara sistem yang dibangunkan.

2. PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI DH5 (KONTRAK)

IV. Jadual Gaji Minimum – Maksimum Gred DH5:

Gaji	Minimum	Maksimum
	RM 1,893.00	RM 7,749.00
Elaun	Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	RM 300.00
	Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	RM 160.00
	Bantuan Sara Hidup (BSH)	RM 350.00
Kenaikan gaji tahunan	RM 145.00	
Taraf Jawatan	Kontrak (Pelanjutan tertakluk kepada prestasi dan kewangan projek yang mengizinkan)	
Lokasi dan kekosongan	Pusat Penyelidikan Tasik Chini, Pekan, Pahang – Satu (1) Kekosongan	

V. Syarat Lantikan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Kelayakan akademik seperti berikut:
 - i. Diploma Perguruan atau Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH5: RM 1,893.00); atau
 - ii. Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH5: RM 1,893.00); atau
 - iii. Diploma dalam bidang berkaitan dan Sijil Kursus Perguruan Lulusan Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH5: RM 1,974.00); atau
 - iv. Diploma Pertanian, Diploma Kejuruteraan, Diploma Seni Bina, Diploma Ukur Bahan, Diploma Ukur Tanah, Diploma Ukur Bangunan, Diploma Perancang Bandar dan Wilayah atau Diploma Seni Bina Landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH5: RM 1,974.00); atau
 - v. Diploma Pertanian, Diploma Kejuruteraan, Diploma Seni Bina, Diploma Ukur Bahan, Diploma Ukur Tanah, Diploma Ukur Bangunan, Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah atau Diploma Seni Bina Landskap dan Sijil Kursus Perguruan Lulusan Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang

diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH5: RM 2,055.00).

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

IV. Deskripsi Tugas:

- (a) Membantu dalam perancangan dan pelaksanaan projek/program/aktiviti eksplorasi ilmu
- (b) Membantu dan bertanggungjawab dalam pengurusan ekosistem, pemantauan kepelbagaian biologi, dan penyelenggaraan makmal penyelidikan.
- (c) Membantu pembangunan modul eksplorasi ilmu yang menyediakan pelbagai manfaat pembelajaran serta penyelidikan.
- (d) Membantu dalam penyelerasan dengan komuniti/agensi/pihak luar.
- (e) Membantu dalam perancangan pelaksanaan program pembangunan komuniti
- (f) Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- (g) Boleh bekerja di bawah penyeliaan minimum dan berdedikasi.
- (h) Seorang yang komited dan proaktif.
- (i) Seorang yang mampu bekerja lebih masa apabila diperlukan.

V. Syarat Tambahan

Bersedia untuk bekerja di Tasik Chini, Pahang dalam tempoh yang panjang.

4. PEMBANTU KHIDMAT AM H1 (KONTRAK)

I. Jadual Gaji Minimum – Maksimum Gred H1:

Gaji	Minimum	Maksimum
	RM 1,500.00	RM 4,680.00
Elaun	Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	RM 300.00
	Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	RM 115.00
	Bantuan Sara Hidup (BSH)	RM 350.00
Kenaikan gaji tahunan	RM 100.00	
Taraf Jawatan	Kontrak (Pelanjutan tertakluk kepada prestasi dan kewangan projek yang mengizinkan)	
Lokasi dan kekosongan	Pusat Penyelidikan Bukit Fraser, Raub, Pahang. - Satu (1) Kekosongan	

II. Syarat Lantikan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (d) Warganegara Malaysia;
- (e) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (f) Kelayakan akademik seperti berikut:
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
 - ii. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
 - iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau
 - iv. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00).

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

III. Kemahiran Dan Pengalaman Khusus Dalam:

- (a) Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dalam Bahasa Melayu
- (b) Mempunyai tubuh badan yang sihat dan berupaya menjalankan tugas yang lasak
- (c) Berpengalaman dalam kerja baikpulihan kecil
- (d) Berminat bekerja di hutan dan lapangan (di luar pejabat).
- (e) Mempunyai kemahiran dalam menggunakan komputer.
- (f) Boleh bekerja di bawah penyeliaan minimum dan berdedikasi.

IV. Deskripsi Tugas:

- (a) Bertanggungjawab dalam tugas-tugas sokongan teknikal di sekitar kawasan, bangunan PPBF iaitu memasang, membaik pulih, menyelenggara, mengawasi serta menguji jentera/peralatan awam dan mekanikal, pemasangan elektrik, sistem elektrik, sistem perpaipan dan kumbahan supaya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat.
- (b) Membantu, menjaga dan menyelenggara plot penyelidikan di PPBF supaya dalam keadaan baik serta sentiasa berfungsi untuk menjalankan aktiviti pembelajaran, penyelidikan dan ekopelancongan.
- (c) Memantau kerja-kerja pembersihan dan kawalan keselamatan di PPBF.
- (d) Membantu dalam sebarang aktiviti yang dijalankan di PPBF seperti jurupandu denai dan menyediakan keperluan pelawat dan pengunjung.
- (e) Menjalankan tugas atas arahan ketua dari semasa ke semasa.

V. Syarat Tambahan

Bersedia untuk bekerja di Bukit Fraser, Pahang dalam tempoh yang panjang

CARA MEMOHON:

- a) Menghantar permohonan dengan mengemukakan **Latar Diri lengkap dengan sijil/dokumen berkaitan yang telah disahkan** melalui Google Form di pautan seperti berikut.

<https://forms.gle/uEApeQoethxsZLaC9>

- b) Calon-calun **yang disenarai pendek** sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga secara dalaman di Pusat Pengurusan Makmal Alami dan Fizikal UKM (ALAF-UKM), UKM Bangi.
- c) Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam **tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Ketua Pentadbiran ALAF-UKM
Pusat Pengurusan Makmal Alami dan
Fizikal UKM (ALAF-UKM)
UKM Bangi, Selangor.
No. Tel: **03-8911 8290/8515**
(e-mel: kpalaf@ukm.edu.my)

Sila layari laman sesawang berikut untuk maklumat lanjut berkaitan kami di <http://www.ukm.my/alafukm>

Tarikh Buka Iklan : 21 November 2025 (Jumaat)
Tarikh Tutup Iklan: 19 Disember 2025 (Jumaat)